



Gangguan anjing liar di Taman Medan

SAYA yang menetap di Taman Medan, Petaling Jaya kebelakangan ini mendapati terdapat banyak anjing liar berkeliaran di kawasan perumahan penduduk dan mendapati ia sudah lama berlarutan.

Kehadiran anjing yang banyak itu bukan hanya menyebabkan sampah di tempat pembuangan bertaburan kerana diselongkar haiwan berkenaan, malah mengundang ketakutan penduduk yang bimbang digit.

Justeru, saya berharap pihak berkaitan melakukan operasi penangkapan haiwan berkenaan dengan segera bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku memandangkan haiwan itu sentiasa berkeliaran tidak mengira waktu.

AZMAN.
Petaling Jaya

>BERHUBUNG aduan berkenaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), akan memantau semula kawasan berkenaan memandangkan aduan berkenaan kerap diterima penduduknya dan sehingga kini sudah lebih 50 ekor anjing ditangkap sekitar Petaling Jaya.

Orang ramai diminta segera menghubungi MBPJ sekiranya terdapat anjing liar di kawasan perumahan lebih-lebih lagi jika ia mengancam keselamatan awam.

ZAINUN ZAKARIA

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ



"Orang ramai diminta segera menghubungi MBPJ sekiranya terdapat anjing liar di kawasan perumahan"

>Zainun Zakaria